




# E-PEMBAYARAN: STRATEGI DAN HALA TUJU MALAYSIA

11 November 2016  
Jabatan Akauntan Negara  
Putrajaya

# Perkembangan e-pembayaran di peringkat global

1. Berbanding negara maju, penggunaan e-pembayaran di Malaysia adalah tinggi berbanding penggunaan e-pembayaran




Sumber: McKinsey Digital Finance For All: Powering Inclusive Growth in Emerging Economies, September 2016

# Pelan Sektor Kewangan 2011 – 2020 menetapkan hala tuju e-pembayaran di Malaysia

## Sasaran untuk dicapai menjelang tahun 2020

Petunjuk	E-pembayaran per kapita	Bilangan cek (juta)	Terminal kad (bagi 1,000 penduduk)	Trans. kad debit per kapita
2011	49	205	7	1
2015	82	148	9	3
Sasaran 2020	200	100	25	30



## Memupuk persekitaran yang menggalakkan perpindahan kepada e-pembayaran

### 2011 hingga 2015

- Mengukuhkan rangka kerja pengawalseliaan dan mewujudkan struktur insentif
- Mengembangkan dan meningkatkan infrastruktur pasaran
- Meningkatkan kesedaran dan memupuk keyakinan

### 2016 hingga 2020

- Mengukuhkan penyelarasan dan penjajaran untuk memacu pencapaian sasaran e-pembayaran
- Peningkatan infrastruktur berterusan untuk seiring dengan inovasi dan memenuhi keperluan pengguna

# Perpindahan kepada E-pembayaran

## 2 instrumen utama

### Pemindahan dana elektronik (bagi menggantikan cek)

- IBG (30 bank merangkumi 99% CASA<sup>1</sup>)
- IBFT (20 bank merangkumi 98% CASA)

### Kad debit (bagi menggantikan wang tunai)

- 43 juta kad debit (bagi 19 juta penduduk dengan akaun bank<sup>2</sup>)

## 5 bidang utama

Isyarat harga

Struktur  
insentif industri

Pusat akses

Kualiti dan  
tawaran nilai

Kesedaran dan  
keyakinan


<sup>1</sup> Jumlah bilangan akaun simpanan dan semasa

<sup>2</sup> Berdasarkan hasil kajian Financial Inclusion Demand-Side Survey dimana terdapat kira-kira 92% individu berumur 15 tahun ke atas mempunyai akaun deposit.

# Pemindahan Dana Elektronik: Ciri-ciri dan Nilai Tawaran

	<b>Interbank GIRO (IBG)</b>	<b>Instant Interbank Fund Transfer (IBFT)</b>
<b>Kos yang berpatutan</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• 10 sen melalui Perbankan Internet</li><li>• 30 sen melalui ATM</li></ul>	50 sen melalui Perbankan Internet and ATM
<b>Mudah diakses</b>	30 bank merangkumi 99% CASA	20 bank merangkumi 98% CASA
<b>Tempoh pemindahan dana</b>	Dalam hari perniagaan yang sama (arahan pembayaran yang dibuat sebelum pukul 5.00 petang)	Serta-merta
<b>Rujukan pembayaran</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Nama penerima dan rujukan pembayaran dipaparkan pada penyata bank pihak pembayar</li><li>• Nama pembayar dan rujukan pembayaran dipaparkan pada penyata akaun pihak penerima</li></ul>	
<b>Pengesahan penerima</b>	Sahkan nombor kad pengenalan atau nombor pendaftaran perniagaan penerima	Sahkan nama penerima sebelum pengesahan pembayaran

# Perkembangan yang Menggalakkan - 2016



# Perkhidmatan e-pembayaran untuk meningkatkan kecekapan terimaan kerajaan

## Pembayaran atas talian

1. **JomPAY** menerusi perbankan internet
  - Hanya 1 biller bank bagi menerima pembayaran dari 42 buah bank
2. **FPX** menerusi portal agensi kerajaan
  - Integrasi dengan sistem agensi untuk straight-through-processing
  - Terimaan dana secara *real-time*
3. **Kad kredit** menerusi portal agensi kerajaan
4. **Perbankan internet** (*bill payment*)
5. **Direct debit** untuk pembayaran berulang

## Pembayaran di kaunter

1. **Kaunter agensi kerajaan**
  - Kad debit
    - Kad tanpa sentuh untuk transaksi yang lebih pantas
  - Kad kredit
2. **Kaunter bank**
  - Kad debit
  - Mesin ATM
  - Debit dari akaun

Penerimaan e-pembayaran secara atas talian dan di kaunter memberikan kemudahan kepada pembayar, meningkatkan kadar pembayaran, mengelakkan isu-isu integriti serta meningkatkan tahap kecekapan bagi pihak agensi kerajaan

# Pemindahan Dana Elektronik: Ciri-ciri dan Nilai Tawaran

	Financial Process Exchange	JomPAY
<b>Kos yang berpatutan</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• 50 sen (individu)</li><li>• RM1 (syarikat)</li></ul>	Tertakluk kepada Pekeliling Kementerian Kewangan
<b>Mudah diakses</b>	17 bank merangkumi 82% CASA	42 bank merangkumi 99% CASA
<b>Tempoh pemindahan dana</b>	Serta-merta	Dalam hari perniagaan yang sama (arahan pembayaran yang dibuat sebelum pukul 5.00 petang)
<b>Nilai tambah</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Integrasi dengan portal agensi kerajaan untuk meningkatkan kecekapan proses <i>reconciliation</i></li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Daftar dengan hanya 1 biller bagi membolehkan pembayar membuat bayaran dari 42 buah bank</li><li>• Maklumat rujukan memudahkan proses <i>reconciliation</i></li></ul>



# Kad Debit: Ciri-ciri dan Nilai Tawaran kepada agensi kerajaan

	Kad debit
<b>Ketersediaan kad</b>	43 juta kad ATM boleh digunakan sebagai kad debit
<b>Kos yang berpatutan</b>	Fi pertukaran <sup>1</sup> bagi kad debit telah dikurangkan: <ul style="list-style-type: none"><li>• 0% bagi agensi kerajaan sehingga 2020</li></ul>
<b>Memupuk persekitaran kad pembayaran yang berdaya saing</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Peniaga (agensi kerajaan) boleh memilih rangkaian kad debit dengan kos yang lebih rendah untuk mengurangkan kos operasi</li><li>• Bank pemeroleh harus:<ul style="list-style-type: none"><li>• Mengenakan kadar diskaun peniaga (MDR<sup>2</sup>) berbeza bagi kad debit dan kad kredit</li><li>• Memaparkan kadar MDR dan fi pertukaran di dalam penyata peniaga</li><li>• Memaklumkan sebarang pengurangan fi pertukaran dan MDR</li></ul></li></ul>

# Kad Debit/ATM

## Kad Debit/ATM sediaada

Standalone




Co-badged dgn 2 jenama debit



Logo MEPS/Bankard dibelakang kad

## Kad Debit/ATM Baharu

Co-badged dgn 2 jenama debit



1. Kad Debit berciri 'contactless'
2. 2 Jenama kad Debit di hadapan kad
  - MyDebit menggantikan logo MEPS & Bankcard
3. 'Debit' – dicetak di hadapan kad.

# Faedah-faedah penggunaan pindahan dana elektronik dan kad pembayaran

## Pindahan dana elektronik

### 1. Pembayar

- Kos rendah
- Kurang risiko pengurusan tunai
- Pelbagai saluran
- Laporan butiran pembayaran

### 2. Penerima

- Memudahkan proses pelarasan
- Pindahan dana terjamin
- Kurang risiko pengendalian tunai dan cek

## Kad pembayaran

### 1. Pembayar

- Tidak perlu membawa tunai
- Lebih selamat
- Memudahkan pemantauan perbelanjaan

### 2. Penerima

- Kurang risiko kecurian
- Memudahkan proses pelarasan
- Proses penyelesaian pertikaian yang lengkap

# Inisiatif BNM bagi menggalakkan penggunaan e-pembayaran

- I. **Rangka Kerja Pembaharuan Kad Pembayaran**
  - Penetapan siling bagi fi pertukaran (interchange fee)<sup>1</sup> kepada 0 peratus bagi transaksi kad debit di sektor kerajaan  
*<sup>1</sup> Fi pertukaran adalah komponen utama Merchant Discount rate (MDR)*
- II. **KPI kepada bank pemungut kerajaan**
  - Bank pemungut yang dilantik<sup>2</sup> perlu melaksanakan kempen, bengkel e-pembayaran dan memberikan insentif kepada pelanggan yang melaksanakan pembayaran kepada kerajaan  
*<sup>2</sup> Bank-bank pemungut LHDN, KWSP, PERKESO dan JKDM*
- III. **Siri jelajah e-pembayaran**
  - 2016 - BNM, ABM dan AIBIM melaksanakan siri jelajah di 20 buah bandar, agensi kerajaan di jemput untuk mempromosikan kaedah e-pembayaran
  - Siri jelajah juga menekankan tip keselamatan semasa menggunakan e-pembayaran
- IV. **Kempen penggunaan kad debit di agensi kerajaan**
  - Pihak bank pemeroleh agensi kerajaan memberikan insentif bagi penggunaan kad debit di agensi kerajaan yang menerima kad debit

# **Perpindahan kepada kad bercirikan PIN**



# Pelaksanaan perpindahan kepada kad berasaskan PIN bagi meningkatkan tahap keselamatan

---

- Penggunaan PIN untuk pengesahan transaksi di terminal pembayaran adalah lebih selamat berbanding tandatangan
  - Penggunaan PIN boleh membantu melindungi pengguna daripada penipuan akibat kehilangan atau kecurian kad kerana kad dan PIN diperlukan untuk membuat pembayaran
- Pemegang kad pembayaran perlu menukar kad sebelum **1 Januari 2017**
- Penggunaan tandatangan akan dihentikan secara berperingkat, orang ramai mempunyai masa 6 bulan bagi membiasakan diri.
- Penggunaan PIN sepenuhnya pada **1 Julai 2017**

# Menggunakan kad bercirikan PIN

## Pengaktifan kad

- Pemegang kad perlu mengaktifkan kad, menetapkan PIN dan memasukkan PIN apabila diminta di terminal POS

## Outdoor Payment Terminals (OPT)

- OPT di pam layan diri stesen petrol yang telah dinaiktaraf akan meminta pemegang kad untuk memasukkan PIN apabila kad bercirikan PIN digunakan
  - Pemegang harus memastikan mereka telah menerima kad bercirikan PIN, mengaktifkan kad dan menetapkan PIN kerana ia diperlukan untuk menggunakan OPT yang dinaiktaraf
  - Notis akan dipaparkan di OPT yang telah dinaiktaraf

## Apabila ke luar negara

- Pemegang kad perlu **menghubungi pengeluar kad** untuk mendapatkan panduan menggunakan kad bercirikan PIN di negara asing **sebelum ke luar negara**
  - Masukkan PIN apabila diminta di terminal POS
  - Sekiranya terminal POS tidak menggunakan sistem PIN, lengkapkan transaksi dengan tandatangan anda
  - Sekiranya pemegang kad tidak dapat menggunakan PIN, lengkapkan transaksi dengan tandatangan anda

# Peranan pelbagai pihak bagi memastikan perpindahan yang lancar

## Pengeluar kad

- Pastikan pemegang kad menerima kad bercirikan PIN sebelum 1 Jan 2017
- Memperingati pemegang kad untuk mengaktifkan kad dan menetapkan PIN
- Memperingati pemegang kad untuk menggunakan PIN apabila melakukan transaksi

## Pemegang kad

- Hubungi pengeluar kad masing-masing untuk menuntut kad bercirikan PIN sebelum 1 Jan 2017
- Aktifkan dan tentukan PIN apabila menerima kad bercirikan PIN
- Masukkan PIN apabila diminta di terminal POS

## Pemeroleh (Acquirer)

- Menyediakan latihan kepada peniaga dan juruwang untuk melakukan transaksi kad bercirikan PIN

## Peniaga


- Pastikan pemegang kad masukkan PIN apabila membuat pembayaran
- Menasihati pemegang kad untuk menghubungi pengeluar kad untuk menyelesaikan sebarang masalah berkaitan kad bercirikan PIN



# Tip Keselamatan untuk E-pembayaran



# Kekal Selamat dengan Mengamalkan Tips Keselamatan E-pembayaran



**Bank, Bank Negara Malaysia atau polis tidak akan meminta maklumat perbankan peribadi anda**

<sup>1</sup> Transaction Authorisation Code (TAC) adalah kata laluan yang dihantar ke telefon atau peranti keselamatan yang mesti dimasukkan ke dalam laman web perbankan internet untuk melengkapkan transaksi perbankan internet.

**TERIMA KASIH**

